

Kerajaan optimis kutipan GST RM39 bilion dapat dicapai

KUALA LUMPUR 8 Nov. - Kementerian Kewangan yakin hasil kutipan cukai barang dan perkhidmatan (GST) berada pada landasan tepat untuk mencapai sasaran tahun ini.

Timbalan Menteri Kewangan II, Datuk Lee Chee Leong berkata, pungutan bersih bagi tempoh 1 Jan hingga 10 Okt lalu adalah sebanyak RM29.34 bilion.

"Kami percaya sasaran hasil daripada GST seperti yang ditetapkan oleh kerajaan bagi tahun ini sebanyak RM39 bilion akan dapat dicapai," katanya.



LEE CHEE LEONG

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis jemputan bagi Anugerah Jenama Malaysia anjuran Persekutuan Persatuan Cina Malaysia (Femacga) di sini hari ini.

Yang turut hadir, Presiden Femacga, Datuk Chai Kim Sen; Setiausaha

Agungnya, Datuk Yap Yit Leong dan Presiden Persatuan Penjenamaan Malaysia, Datuk Eric Chong.

GST yang berkuat kuasa 1 April tahun lalu menggantikan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) diunjur untuk mencapai

hasil keseluruhan bernilai RM52 bilion tahun ini.

Sementara itu, anugerah tersebut diadakan bagi memberi penghargaan kepada jenama-jenama tempatan yang diiktiraf dalam pasaran serta industri masing-masing.

Sebanyak 14 jenama terpilih dan menerima kad jemputan bagi acara penyampaian anugerah yang akan berlangsung pada 12 Mac tahun depan di Berjaya Times Square.

Jenama-jenama itu ialah Astro, Bina Puri Holdings Berhad, Pecca Leather, Erican, Ogawa, Cleanpro, KK Super Mart, London Biscuits, Naga Mutiara, Ban Kah Chai, Oloiya, Makmur, Brothers Factory Outlet dan Red One.

UTUSAN